

Headline	Tiada arahan naik caj visa haji		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	14 Oct 2016	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	1,270,667
Page No	47	Readership	3,812,000
Language	Malay	ArticleSize	122 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 4,806
Frequency	Daily	PR Value	RM 14,418



TENGGU Mahkota Kelantan yang juga merupakan Yang Dipertua Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) Tengku Muhammad Faiz Petra Sultan Ismail Petra (kiri) berkenan menerima Zakat Perniagaan TH daripada Abdul Azeez semalam.

Tiada arahan naik caj visa haji

Lembaga Tabung Haji (TH) tidak mendapat sebarang maklumat atau arahan bertulis daripada kerajaan Arab Saudi berkaitan kenaikan kadar caj visa haji dan umrah yang bermula awal bulan ini.

Pengerusinya Datuk Seri Abdul Azeez Abdul Rahim berkata, pihaknya belum lagi mengadakan perbincangan berkaitan perkara berkenaan dan hanya menunggu maklumat rasmi daripada kerajaan Arab Saudi.

Beliau berkata, kenaikan berkenaan tidak akan menjejaskan tambang jemaah haji berikutan ia hanya membabitkan kemasukan individu lebih daripada

sekali sahaja.

“TH belum dapat maklumat berkaitan kenaikan visa terbabit dan pada masa kita juga belum lagi membincangkan perkara berkenaan.

“Tumpuan TH sekarang ini hanya lebih kepada menambah baik perkhidmatan kepada jemaah terutama membabitkan aspek kesihatan dan keselamatan,” katanya, semalam.

Beliau berkata demikian selepas menyerahkan replika cek Zakat Perniagaan TH2015 kepada Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK), di sini, semalam.